

# ZORAX CREAM

Acylovir (5% w/w)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zorax Cream
2. Bagaimana Zorax Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zorax Cream
4. Cara menggunakan Zorax Cream
5. Semasa menggunakan Zorax Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zorax Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Zorax Cream

Ia digunakan sebagai rawatan topikal jangkitan virus Herpes simplex (kudis) pada kulit termasuk jangkitan awal dan ulangan herpes genital (jangkitan pada bahagian sulit) dan herpes labial (jangkitan bibir, mulut dan gusi).

## Bagaimana Zorax Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Acyclovir. Acyclovir adalah ubat antiviral. Ia berfungsi dengan mengurangkan keterukan dan tempoh jangkitan kudis herpes.

## Sebelum menggunakan Zorax Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Zorax Cream jika anda alergi atau hipersensitif terhadap acyclovi atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

### - Sebelum mula menggunakan Zorax Cream

Anda perlu memberitahu dengan doktor anda jika anda :

- menyusukan bayi
- mengandung

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, kerana interaksi antara zorax cream dan ubat lain tidak diketahui memandangkan zorax cream yang disapu tidak diserap ke dalam badan anda.

## Cara menggunakan Zorax cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dengan mengambil kuantiti yang mencukupi untuk meliputi semua permukaan luka setiap 3 atau 4 jam, 5 atau 6 kali setiap hari sepanjang 5 hingga 10

hari. Sarung tangan getah ataupun sarung jari disyorkan untuk dipakai apabila menggunakan zorax cream untuk mengelakan jangkitan merebak ke bahagian badan lain atau kepada orang lain.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Zorax Cream apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil selama yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Zorax Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Zorax Cream tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu kepada anda.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berkongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mempunyai masalah yang sama seperti anda.
- Jangan gunakan di sekitar kawasan mukus dan elakkan aplikasi krim ke dalam mata.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zorax Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Aplikasi topikal acyclovir, terutamanya luka pada kemaluan, kadang kala boleh menyebabkan kesan sampingan seperti rasa pedih, iritasi, atau eritema (kemerahan kulit). Eritema dan gatal telah dilaporkan

oleh sebahagian kecil pesakit. Terdapat kira-kira 5% pesakit pernah melaporkan masalah kulit kering atau mengelupas

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers→ Reporting )

## Cara penyimpanan dan pelupusan Zorax Cream

### - Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim lembut, licin dan berwarna putih.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Acylovir

### - Bahan-bahan tidak aktif

- Liquid Paraffin
- Ethylene Diaminetetraacetate
- Propylene Glycol
- Cetomacrogol 1000
- White Soft Paraffin
- Propyl Paraben
- Methyl Paraben

### - Nombor MAL

MAL19990606A

## Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

19/11/2015

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)041115/00398